

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATUK JUMAT B. IDRIS [SEPANGGAR]
TARIKH : 12 MAC 2015
SOALAN :**

YB Datuk Jumat B. Idris [Sepanggar] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :

- a) Apakah rakyat Malaysia begitu terdedah dengan penyakit obesiti dan;
- b) Apakah cadangan/ langkah kementerian dalam menangani isu penyakit obesiti di kalangan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini secara bersekali bersama-sama dengan satu (1) soalan yang lain yang menyentuh obesiti iaitu pertanyaan daripada:

- i. **1 April 2015: Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan sama ada Kementerian sedar bahawa Malaysia sudah digelar sebagai negara yang mempunyai jumlah rakyat obese tertinggi di dunia. Apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah ini.**

Tuan Yang Di-Pertua,

Rakyat Malaysia sememangnya terdedah kepada obesiti kerana gaya hidup rakyat Malaysia itu sendiri. Punca utama obesiti adalah amalan pemakanan yang tidak sihat dan kurang melakukan aktiviti fizikal. Sebahagian besar kita makan lebih dari empat kali sehari – sarapan pagi, minum pagi, makan tengah hari, minum petang, makan malam dan yang paling buruk, makan lewat malam. Kerana budaya suka makan, restoran dan kedai makan 24 jam wujud di kebanyakan bandar. Budaya pemakanan kita juga tinggi dengan kalori, berminyak tetapi kurang pengambilan sayur. Kalau suka makan tapi juga aktif secara fizikal bagi membakar kalori tak jadi masalah. Malangnya rakyat Malaysia juga tidak aktif secara fizikal.

Oleh itu tumpuan KKM ialah mendidik masyarakat mengenai pemakanan yang sihat, gaya hidup aktif dan mengimbangi pemakanan dengan aktiviti fizikal melalui kempen-kempen pemakanan, gaya hidup sihat, 10,000 langkah dan sebagainya. Sasaran program dan aktiviti adalah sepanjang hayat iaitu dari dalam kandungan lagi sehingga dewasa. Pencegahan awal bermula dari bayi dalam kandungan lagi melalui aktiviti pendidikan pemakanan kepada ibu hamil, penekanan tentang penyusuan susu ibu yang berperanan dalam pencegahan obesiti bagi kedua-dua ibu dan bayi, kepada murid-murid sekolah dan remaja melalui pelaksanaan Kantin dan Kafeteria Sihat dan penyediaan hidangan sihat di Kem Program Latihan Khidmat Negara. Persatuan Ibu Bapa dan Guru akan diperkasa bagi menangani masalah obesiti di kalangan murid dan ibubapa melalui pemakanan sihat di sekolah dan di rumah.

86

Kempen gaya hidup sihat juga diketengahkan melalui karnival-karnival kesihatan anjuran KKM dan pelbagai agensi kerajaan dan swasta. KKM gembira kerana aktiviti 10,000 langkah dan aktiviti fizikal lain seperti berbasikal, sudah menjadi acara rutin dalam kebanyakan majlis-majlis keramaian Kerajaan dan swasta.

KKM juga sedang giat memperkasakan masyarakat di peringkat akar umbi melalui inisiatif "Komuniti Sihat, Perkasa Negara" atau KOSPEN. Dengan kerjasama KEMAS, FELDA dan Rukun Tetangga, Program ini bertujuan memperkasakan lebih ramai rakyat Malaysia dalam penjagaan sendiri bagi mengurangkan risiko obesiti dan penyakit-penyakit tidak berjangkit.

KKM juga sedang mengadakan rundingan secara berterusan dengan pihak industri bagi meningkatkan pengeluaran produk makanan dan minuman yang lebih sihat di pasaran.

Tingkah laku pemakanan dan gaya hidup fizikal masyarakat amat dipengaruhi oleh persekitaran hidup, yang dipengaruhi oleh dasar dan perancangan pelbagai Kementerian dan agensi selain KKM. Oleh itu menangani obesiti dan NCD adalah tanggungjawab semua agensi yang diselaraskan melalui Jawatankuasa Kabinet Mengenai Penyakit Tidak Ber